

Akibat tuduhan dan tohmahan untuk penswastaan

Punca krisis tenaga

(P)

U.M. 23 FEB 1993

KUALA LUMPUR 22 Feb. — (Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, krisis tenaga yang berlaku di seluruh negara sekarang adalah akibat kelewatan pelaksanaan projek penswastaan pembangunan tenaga elektrik.

Perdana Menteri berkata, jika kerajaan berjaya menswastakan secara lebih awal projek pembangunan tenaga elektrik seperti pembinaan stesen janakuasa, sudah tentulah masalah ini tidak timbul.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan banyak berlaku tuduhan dan perbalahan mengenai langkah penswastaan projek tersebut, kerajaan lewat melaksanakan apa yang telah dirancang sebelum ini. **[Lagi laporan krisis tenaga pada muka 6].**

Menurut beliau, inilah salah satu faktor berlakunya krisis tenaga elektrik di seluruh negara sekarang.

"Kita telah pun mengenali pasti projek tenaga elektrik ini, tetapi sukar nak swastakan kerana terdapat tuduhan-tuduhan kononnya kerajaan atau individu yang terlibat dengan projek ini mempunyai kepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Pertama Kumpulan Pemandu Industri (ISG) dan pelancaran Kumpulan Perunding Komanwel bagi Pengurusan Teknologi-Perkongasian Sektor Swasta (CPSP) serta Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Perdana Menteri telah diminta mengulas kenyataan pihak-pihak tertentu bahawa krisis tenaga berpunca daripada kelemahan sistem kerajaan bertindak balas dalam memenuhi permintaan be-

LIHAT MUKA 2

U.M. 23 FEB 1993

Punca krisis tenaga

kalan tenaga negara.

Beliau berkata, kerajaan bukan tidak mendapat maklumat mengenai kemungkinan negara menghadapi masalah kekurangan tenaga, tetapi disebabkan banyak berlaku perbalahan dan tuduhan-tuduhan, projek pembangunan tenaga elektrik tidak dapat dijalankan dengan cepat.

"Jika kita tidak dapat membekalkan kemudahan infrastruktur, para pelabur tidak akan datang ke negara ini, kita akan rugi banyak daripada kerugian yang kononnya berlaku disebabkan orang itu dan ini," tegas Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, kerajaan telah pun mengetahui kelemahan ini terutama sejak 1990 apabila pelaburan di Malaysia meningkat kepada RM40,000 juta, di mana sejak 1990 kerajaan sepa-

tunya membelanjakan tiap-tiap tahun tidak kurang RM4 bilion untuk penyediaan infrastruktur.

Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan sedar untuk menambah penjanaan tenaga elektrik bukan merupakan tugas yang rumit, bagaimanapun ia tidak dapat dilakukan kerana kerajaan tidak mempunyai cukup wang.

Sebab itulah katanya, kerajaan terpaksa menswastakan Lembaga Letrik Negara bagi membolehkan pihak swasta mengendalikan pengeluaran tenaga elektrik negara.

Kata Perdana Menteri, hanya dengan cara ini sahaja masalah tersebut dapat diatasi.

"Sekarang ini kerajaan masih mempunyai kepentingan 70 peratus dalam Tenaga Nasional, kalau kita nak bina satu stesen

janakuasa elektrik bernilai RM1,000 juta, bermakna RM700 juta mesti dibiayai oleh kerajaan," kata Dr. Mahathir sambil memberitahu masalah tersebut menyebabkan kerajaan menyerahkan kepada pihak lain untuk membina projek pembangunan tenaga elektrik.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap pihak-pihak tertentu tidak lagi melemparkan pelbagai tuduhan serta mempertikaikan langkah kerajaan menswastakan projek pembangunan tenaga elektrik supaya ia dapat dijalankan dengan cepat.

"Kalau orang ramai mengambil kira soal keperluan dan tidak menimbulkan bermacam-macam syak wasangka terhadap kerajaan, kita boleh melaksanakan semua projek dengan licin," kata Dr. Mahathir.